

KEBERKESANAN PEMBANGUNAN BANDAR MESRA BELIA DI TANJONG  
MALIM, PERAK

KHAIRIL AKHTAR BIN GHAZALI

Laporan projek ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian  
daripada syarat penganugerahan ijazah  
Sarjana Sains (Pentadbiran dan Pembangunan Tanah)

Fakulti Alam Bina dan Ukur  
Universiti Teknologi Malaysia

MAC 2021

## DEDIKASI

Pertama sekali, jutaan penghargaan dan terima kasih ditujukan buat isteri tercinta, Asyura binti Lukman Alhakim atas segala pengorbanan, kerjasama, tolak ansur, persefahaman serta toleransi sepanjang saya melanjutkan pengajian di peringkat sarjana ini. Terima kasih kerana memahami tuntutan ilmu ini.

Buat anak-anak saya yang tersayang, Adrianna Hani binti Khairil Akhtar, Ayris Surihani binti Khairil Akhtar, Aryan Asyiril bin Khairil Akhtar dan Ayrin Dayani binti Khairil Akhtar yang terpaksa bertoleransi dengan kekangan masa untuk bersama. Semoga hasil ini dapat memberi inspirasi dan menyuntik semangat anakanda sekalian apabila meningkat dewasa dan mengharungi cabaran kehidupan yang mendatang.

Buat ibu bapa tercinta – Ghazali bin Mohamed, serta ibu tiri Zahariah binti Sarji, terima kasih kerana banyak memberi sokongan dan kiriman doa. Tidak dilupakan titipan doa buat arwah bonda tercinta, Mardziah bt Sarji, semoga rohmu ditempatkan bersama para solihin di Jannatul Firdaus. Buat adik-beradik tersayang yang sentiasa memberi sokongan, semangat dan bantuan sepanjang mendepani cabaran dalam perjalanan pengajian sarjana ini.

Buat semua sahabat dan teman seperjuangan yang dikasihi, terima kasih atas semua sokongan, bantuan dan suntikan semangat yang diberikan tanpa mengira masa dan ketika. Didoakan semoga Allah SWT jua yang membalas jasa baik kalian semua dengan segala kebaikan yang tidak terhingga.

## **PENGHARGAAN**

Alhamdulillah, segala puji dan syukur hanya bagi Allah Tuhan sekalian alam, selawat dan salam junjungan ke atas Nabi Muhammad SAW. Setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah SWT di atas segala limpah dan kurnia serta dengan izin-Nya, penulisan ini telah berjaya disiapkan. Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Penyelia saya iaitu Dr. Norhidayah binti Md. Yunus yang paling banyak memberikan bimbingan, panduan dan galakan sepanjang penyediaan penulisan ini. Terima kasih atas suntikan semangat dan dorongan semasa mendepani cabaran dalam menyiapkan penulisan ini. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada Penyelaras Program Sarjana Sains (Pentadbiran dan Pembangunan Tanah) iaitu Dr. Siti Radiaton Adawiyah binti Zakaria dan semua pensyarah-pensyarah yang telah mencurahkan ilmu kepada saya dengan penuh komited, ikhlas dan sabar. Tidak dilupakan juga penghargaan yang tidak terhingga kepada Dr. Ainur Zaireen bt. Zainuddin selaku panel penilai yang turut memberikan teguran membina dan pandangan dalam menyempurnakan kajian ini.

Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) atas tajaan yang diberikan kepada saya dari awal hingga tamat pengajian sarjana ini. Tidak dilupakan juga Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak melalui Bahagian Pengurusan Sumber Manusia yang turut memberikan kerjasama dalam perjalanan menuntut ilmu ini. Selain itu, ucapan terima kasih juga kepada semua responden yang terlibat dalam penulisan ini iaitu Pejabat Daerah dan Tanah Muallim, Unit Perancang Ekonomi Negeri Perak, Majlis Daerah Tanjong Malim, serta semua yang terlibat. Segala kerjasama dan komitmen yang diberikan amat dihargai sama ada secara langsung ataupun tidak langsung.

Buat rakan-rakan seperjuangan MSc. LAD Pesisir Ipoh, Perak 2019-2021. Semoga segala jasa dan pertolongan kalian semua dibalas oleh Allah SWT dengan segala kebaikan dan rahmatNya. Terima kasih atas segala bantuan dan pertolongan yang diberikan selama ini.

Akhir sekali, penghargaan yang tidak terhingga kepada saudara Saiful Nizam bin Yamegun dan saudara Khairul Amiran bin Md Nazeri atas pandangan dan sumbangan idea kalian dalam membantu usaha menyiapkan kajian ini. Semoga urusan kalian yang mendatang akan turut dipermudahkan oleh Allah SWT.

## ABSTRAK

Bandar Mesra Belia adalah merupakan satu cetusan idea Perdana Menteri pada tahun 2015 bagi mengawal migrasi belia dari luar bandar ke bandar-bandar besar. Ianya juga adalah merupakan salah satu daripada matlamat bagi membangunkan kawasan separa bandar yang dapat memenuhi aspirasi belia-belia tempatan dalam mendapatkan peluang pekerjaan, perumahan, rekreasi dan sosial. Namun masih belum banyak kajian yang dilaksanakan bagi melihat kepada keberkesanan pembangunan Bandar Mesra Belia ini. Satu-satunya Bandar Mesra Belia yang telah diwujudkan adalah di Tanjong Malim yang dilaksanakan sejak 2015 lagi. Walaupun banyak usaha-usaha yang telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan, namun ianya masih lagi kurang mendapat perhatian berkaitan konsep pembangunan ini. Oleh itu, kajian ini mengkaji konsep pembangunan Bandar Mesra Belia yang dilaksanakan terhadap kawasan separa bandar dan melihat keberkesanan pembangunannya serta memberikan cadangan menambahbaik dari segi perlaksanaannya. Pengumpulan data primer diperoleh melalui kaedah temubual bersama 6 orang responden yang terdiri daripada seorang pegawai Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, seorang pegawai dari PLANMalaysia, seorang Pegawai Daerah dan tiga orang dari Majlis Daerah Tanjong Malim yang terlibat secara langsung dalam Bandar Mesra Belia Tanjong Malim. Data-data yang dianalisis secara deskriptif dipersembahkan dalam bentuk jadual, rajah dan huraian. Secara ringkasnya, hasil kajian menunjukkan terdapat beberapa masalah di dalam pelaksanaan Bandar Mesra Belia Tanjong Malim ini. Kaedah penyelesaian terhadap perkara ini adalah melalui cadangan penambahbaikkkan bagi memastikan projek ini dapat diteruskan. Berdasarkan kepada penemuan ini, beberapa cadangan dikemukakan dan diharapkan kajian ini dapat memberi input yang bermanfaat kepada semua pihak dalam memastikan kejayaan dalam pembangunan Bandar Mesra Belia ini.

## **ABSTRACT**

Youth Friendly Town is an idea sparked by the Prime Minister in 2015 for the demand of youth migration from rural to big cities. It is also the only one of the destinations for the semi-urban areas that can meet the aspirations of local youths in getting jobs, housing, recreation and social. However, there are still not many studies conducted to look at the effectiveness of the development of this Youth Friendly City. The only Youth Friendly City that has been created is in Tanjong Malim which has been implemented since 2015. Despite the many efforts that have been made by the government parties, there are still others who get attention related to this concept of development. Therefore, this study examines the concept of Youth-Friendly Urban Development implemented on semi-urban areas and sees the effectiveness of its development as well as provides additional suggestions in terms of its implementation. Primary data collection was obtained through an interview method with 6 respondents consisting of an officer of the Ministry of Housing and Local Government, an officer from PLANMalaysia, a District Officer and three people from Tanjong Malim District Council who are directly involved in Bandar Mesra Belia Tanjong Malim. The data analyzed descriptively are presented in the form of shapes, diagrams and descriptions. In short, the results of the study show some problems in the implementation of Tanjong Malim Youth Friendly Town. The solution to this problem is through suggestions for improvement for each of these projects can be continued. Given this finding, some suggestions are submitted and it is hoped that this study can provide useful input to all parties in need of time in the development of this Youth Friendly City.

## ISI KANDUNGAN

	TAJUK	MUKASURAT
	<b>PENGAKUAN</b>	<b>iii</b>
	<b>DEDIKASI</b>	<b>iv</b>
	<b>PENGHARGAAN</b>	<b>v</b>
	<b>ABSTRAK</b>	<b>vi</b>
	<b>ABSTRACT</b>	<b>vii</b>
	<b>ISI KANDUNGAN</b>	<b>viii</b>
	<b>SENARAI JADUAL</b>	<b>xii</b>
	<b>SENARAI RAJAH</b>	<b>xiii</b>
	<b>SENARAI SINGKATAN</b>	<b>xv</b>
	<b>SENARAI SIMBOL</b>	<b>xvi</b>
	<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	<b>xvii</b>
<b>BAB 1</b>	<b>Pengenalan</b>	<b>1</b>
	1.1 Pendahuluan	1
	1.2 Penyataan Masalah	3
	1.3 Matlamat Kajian	5
	1.4 Objektif Kajian	6
	1.5 Skop Kajian	6
	1.6 Kepentingan Kajian	7
	1.7 Metodologi Kajian	8
	1.7.1 Rekabentuk Kajian	8
	1.7.1.1 Peringkat 1 –Kenalpasti Masalah, Objektif dan Kaedah Kajian	10
	1.7.1.2 Peringkat 2 - Kajian Literatur	11
	1.7.1.3 Peringkat 3 - Pengumpulan Data	11
	1.7.1.4 Peringkat 4 - Analisis Data	13
	1.7.1.5 Peringkat 5 – Kesimpulan dan Cadangan	14

1.8	Susunatur Bab	15
1.8.1	Bab 1 - Pendahuluan	15
1.8.2	Bab 2 – Kajian Literatur	15
1.8.3	Bab 3 – Kawasan Kajian	16
1.8.4	Bab 4 – Analisis Kajian	16
1.8.5	Bab 5 – Cadangan dan Kesimpulan	16
<b>BAB 2</b>	<b>PERLAKSANAAN PEMBANGUNAN BANDAR MESRA BELIA</b>	<b>17</b>
2.1	Pendahuluan	17
2.2	Kajian-kajian Berkaitan	18
2.2.1	Perbandaran / Bandar	18
2.2.2	Golongan Belia	21
2.2.3	Penglibatan Golongan Belia	23
2.3	Konsep Bandar Mesra Belia	23
2.4	Ciri-ciri Bandar Mesra Belia	25
2.4.1	Kondusif, harmoni dan kedudukan strategik	26
2.4.2	Kewujudan Pusat Pengajian Tinggi	27
2.4.3	Peluang Pekerjaan	27
2.4.4	Perumahan	27
2.4.5	Taman Rekreasi	28
2.5	Cabaran Pembangunan Belia	28
2.6	Bandar Mesra Belia Toronto	29
2.7	Zon Guna Tanah Bandar	31
2.8	Model Zon Guna Tanah	32
2.8.1	Teori Zon Memusat Oleh E.W. Burgess, 1925	33
2.9	Rumusan	34
<b>BAB 3</b>	<b>KAWASAN KAJIAN</b>	<b>35</b>
3.1	Pendahuluan	35
3.2	Daerah Muallim	35
3.3	Sejarah Awal Tanjong Malim	36
3.4	Majlis Daerah Tanjong Malim	39

3.5	Pentadbiran Majlis Daerah Tanjong Malim	44
3.6	Bandar Mesra Belia Tanjong Malim	45
3.6.1	Justifikasi Pemilihan Tanjong Malim Sebagai Bandar Mesra Belia	46
3.6.2	Komponen Utama Bandar Mesra Belia Tanjong Malim	47
3.6.3	Konsep Asas Bandar Mesra Belia Tanjong Malim	49
3.7	Unit Pemantauan Bandar Mesra Belia Tanjong Malim	50
3.8	Rumusan	51
<b>BAB 4</b>	<b>ANALISIS KAJIAN</b>	<b>53</b>
4.1	Pendahuluan	53
4.2	Analisis Latar Belakang Responden	53
4.3	Analisis Komponen Bandar Mesra Belia Tanjong Malim	55
4.3.1	Pencapaian Matlamat Bandar Mesra Belia	57
4.3.2	Analisis Objektif Bandar Mesra Belia	60
4.4	Faktor Kegagalan Bandar Mesra Belia Tanjong Malim	63
4.4.1	Analisis Tahun Pelaksanaan Bandar Mesra Belia Tanjong Malim	64
4.4.2	Analisis Komponen Pembangunan Bandar Mesra Belia	67
4.4.3	Analisis Keberkesanan Program, Penglibatan Agensi dan Belia Tempatan	72
4.4.4	Analisis Keberkesanan Taraf Hidup Belia Tempatan	74
4.4.5	Isu dan Masalah dalam Pelaksanaan Bandar Mesra Belia Tanjong Malim	79
4.5	Rumusan	80
<b>BAB 5</b>	<b>KESIMPULAN DAN CADANGAN</b>	<b>81</b>
5.1	Pendahuluan	81
5.2	Penemuan Dan Pencapaian Objektif Kajian	81
5.2.1	Penemuan Dan Pencapaian Objektif Pertama	82
5.2.2	Penemuan Dan Pencapaian Objektif Kedua	84



5.3	Cadangan Kajian	86
5.4	Limitasi Kajian	87
5.5	Cadangan Kajian Lanjutan	87
5.6	Kesimpulan	88
<b>RUJUKAN</b>		<b>91</b>
<b>LAMPIRAN</b>		<b>95</b>

## SENARAI JADUAL

<b>NO. JADUAL</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKASURAT</b>
Jadual 1. 1	Senarai Jawatan dan Jabatan Responden	13
Jadual 3. 1	Kawasan Operasi Majlis Daerah Tanjong Malim	39
Jadual 3. 2	Kawasan 'Pockets Development' Di Majlis Daerah Tanjong Malim	40
Jadual 3. 3	Kawasan Utama Pentadbiran Majlis Daerah Tanjong Malim	41
Jadual 3. 4	Penduduk Sedia Ada Berdasarkan Statistik Banci Penduduk oleh Kawasan PBT 2010	41
Jadual 3. 5	Anggaran Penduduk Populasi Selepas Perluasan Sempadan	41
Jadual 3. 6	Tanggungjawab dan Tugas Utama Unit Pemantauan Bandar Mesra Belia Tanjong Malim	50
Jadual 4. 1	Jumlah Responden Mengikut Kriteria	54
Jadual 4. 2	Analisis Pencapaian Matlamat Bandar Mesra Belia Tanjong Malim	59
Jadual 4. 3	Analisis Pencapaian Objektif Bandar Mesra Belia Tanjong Malim	62
Jadual 4. 4	Objektif dan Skop Utama Methub Bandar Mesra Belia Tanjong Malim	76
Jadual 4. 5	Program dan Kehadiran Belia Di Methub Bandar Mesra Belia Tanjong Malim	77

## SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKASURAT
Rajah 1. 1	Carta Alir Metodologi Penyelidikan	9
Rajah 1. 2	Aliran Proses Kerja Kajian	10
Rajah 2. 1	Ciri-ciri Bandar Mesra Belia Berdasarkan Konsep Awal	26
Rajah 2. 2	Elemen Bandar Mesra Belia	31
Rajah 2. 3	Model Zon Guna Tanah Memusat	33
Rajah 3. 1	Morfologi Gunatanah Di Tanjong Malim	38
Rajah 3. 2	Kawasan Mukim Utama Pentadbiran Majlis Daerah Tanjong Mali	43
Rajah 3. 3	Organisasi Pentadbiran Majlis Daerah Tanjong Malim	45
Rajah 3. 4	Pelan Induk Pembangunan Bandar Mesra Belia Tanjong Malim	48
Rajah 3. 5	Konsep Asas Bandar Mesra Belia Tanjong Malim	49
Rajah 4. 1	Pembangunan Bandar Mesra Belia Tanjong Malim	56
Rajah 4. 2	Matlamat dan Fokus Utama Bandar Mesra Belia	57
Rajah 4. 3	Konsep Asas Bandar Mesra Belia Tanjong Malim	61
Rajah 4. 4	Tempoh Masa Perlaksanaan Bandar Mesra Belia Tanjong Malim	65
Rajah 4. 5	Pelan Induk Pembangunan Bandar Mesra Belia Tanjong Malim	68
Rajah 4. 6	Komponen Pembangunan Bandar Mesra Belia Tanjong Malim Telah Dilaksanakan	69
Rajah 4. 7	Komponen Pembangunan Bandar Mesra Belia Tanjong Malim Sedang Dilaksanakan	71
Rajah 4. 8	Program Dilaksanakan Di Bandar Mesra Belia Tanjong Malim	73
Rajah 4. 9	Program Dilaksanakan Di Bandar Mesra Belia Tanjong Malim	73

Rajah 4. 10	Program Dilaksanakan Di Bandar Mesra Belia Tanjong Malim	74
Rajah 4. 11	Program di Methub Bandar Mesra Belia Tanjong Malim	78

## SENARAI SINGKATAN

1MYC	-	Bandar Belia 1Malaysia
ETS	-	Electric Train System
GLC	-	Government Link Company
KPKT	-	Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
KKLW	-	Kementerian Luar Bandar dan Wilayah
KBS	-	Kementerian Belia dan Sukan
METHUB	-	Muallim Entrepreneur Hub
MDTM	-	Majlis Daerah Tanjong Malim
NBOS	-	Strategi Lautan Biru Kebangsaan
PBT	-	Pihak Berkuasa Tempatan
PDT	-	Pejabat Daerah dan Tanah
PLANMalaysia	-	Jabatan Perancangan Bandar & Desa Semenanjung Malaysia
PROTON	-	Perusahaan Otomobil Nasional Sendirian Berhad

## SENARAI SIMBOL

km<sup>2</sup> - Kilometer Persegi

## **SENARAI LAMPIRAN**

<b>LAMPIRAN</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKASURAT</b>
Lampiran A	Borang Soal Selidik Yang Digunakan	<b>95</b>

# **BAB 1**

## **PENGENALAN**

### **1.1 Pendahuluan**

Bandar Belia adalah merupakan satu konsep pembangunan bandar yang dicetuskan ideanya oleh mantan YAB Perdana Menteri Malaysia yang ke-6, di bawah Strategi Lautan Biru Nasional (NBOS) melalui Kerjasama antara Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Kementerian Belia dan Sukan (KBS) dan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) atau kini dikenali sebagai Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB).

Pada peringkat permulaannya, Kerajaan memperuntukkan kira-kira RM100 juta untuk membiayai tiga projek perintis Bandar Belia iaitu di Sabah, Sarawak dan Semenanjung dalam anggaran belanjawan 2014 yang mana bertujuan untuk mewujudkan satu ekosistem pembangunan yang komprehensif bagi golongan belia di negara ini. Pendekatan kawasan Bandar Belia lebih kepada kawasan pinggir bandar atau 'sub-urban' yang mana salah satu sebab utamanya adalah untuk mengurangkan penghijrahan belia ke kawasan bandar utama seperti Kuala Lumpur.

Bandar Belia adalah pembangunan bersepadu yang memberi peluang kepada para belia untuk memajukan diri dalam bidang pekerjaan dan keusahawanan serta memungkinkan mereka untuk meningkatkan kemahiran, dan kemampuan, serta menikmati hidup yang lebih harmoni dengan kemudahan rekreasi, perumahan yang mampu milik atau sewa, sistem pengangkutan yang baik serta lain- lain kemudahan ameniti sosial yang difikirkan wajar dan perlu.

Konsep pembangunan Bandar Belia ini adalah untuk mengubah kawasan separa bandar yang belum berkembang pesat kepada menjadi sebuah bandar yang mesra belia bagi memenuhi aspirasi golongan belia di kawasan bandar dan luar bandar.



Pembangunan Bandar Belia ini adalah pada kadar kos yang minimum serta lebih kepada memanfaatkan infrastruktur dan kemudahan awam yang sedia ada dan ditambahbaik atau dibaik pulih. Selain itu, ia juga menggalakkan kerjasama dengan Syarikat Berasaskan Kerajaan (GLC) dan syarikat swasta untuk sama-sama membangunkan bandar tersebut.

Pada kebiasaannya, sesuatu program pembangunan yang dibangunkan pada masa kini lebih tertumpu kepada kawasan bandar besar ataupun ke kawasan luar bandar. Dalam masa yang sama, potensi kawasan separa bandar untuk menjadi pemacu utama transformasi ekonomi dan sosial untuk belia masih belum dapat dilihat secara makro dan dimanfaatkan sepenuhnya. Justeru, melalui pendekatan Strategi Lautan Biru (NBOS), pihak Kerajaan telah berhasrat untuk mewujudkan satu pelan pembangunan di kawasan separa bandar yang belum dibangunkan sepenuhnya untuk menjadi "Bandar Belia 1Malaysia" yang moden, dinamik dan inklusif yang dapat menarik minat golongan belia dari kawasan luar bandar dan bandar dari seluruh negara.

Untuk melaksanakan program ini, Kerajaan telah melantik Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sebagai peneraju utama dan KPKT melalui agensinya iaitu Jabatan Perancang Bandar Dan Desa (JPBD) yang kini ditukar nama kepada PLANMalaysia telah menetapkan kriteria berikut sebagai dasar untuk Bandar Belia: -

- i. Mempunyai kemudahan awam;
- ii. Kawasan bandar/ pekan kecil yang kurang membangun;
- iii. Ketersediaan tanah sedia ada dan kos pembangunan yang rendah;
- iv. Kebolehcapaian yang baik;
- v. Pembangunan 'infill';

- vi. Penglibatan GLC dan sektor swasta;
- vii. Tarikan peringkat antarabangsa (pengembaraan, penyelidikan, pelancongan);
- viii. Tidak melibatkan kawasan untuk pengeluaran makanan utama negara.

## **1.2 Penyataan Masalah**

Bandar Belia adalah merupakan satu idea konsep pembangunan yang memfokuskan kepada pembangunan khusus untuk golongan belia dan didorong oleh permintaan yang perlu disesuaikan dengan keperluan, aspirasi dan gaya hidup generasi muda. YB Datuk Abdul Rahman Dahalan selaku Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan pada tahun 2014 berkata dalam satu temubual di Radio Sabah FM bahawa idea Bandar Belia yang dicetuskan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia ke-6 pada ketika itu adalah untuk membangunkan sebuah kawasan mengikut citarasa golongan belia memandangkan 50 peratus (%) daripada rakyat Malaysia adalah golongan yang berumur 40 tahun ke bawah. Golongan ini sememangnya dikenalpasti sebagai pelapis kepada kepimpinan negara di masa akan datang. Justeru, adalah penting untuk menyediakan satu '*platform*' bagi mencungkil serta mengenengahkan potensi dan kredibiliti yang ada pada golongan ini bermula dari peringkat awal.

Kawasan sasaran untuk konsep pembangunan ini difokuskan ke kawasan pinggir bandar dengan hasrat berikut: -

- i. Untuk menyediakan perumahan yang berpatutan dan sesuai untuk keluarga muda dan belia yang mampu berdikari.
- ii. Untuk menyediakan peluang untuk aktiviti keusahawanan, perniagaan termasuk perniagaan on-line, pusat data, industri kreatif (industri animasi dan grafik).

- iii. Untuk menyediakan kemudahan berpusat untuk belia yang disesuaikan dengan keperluan, aspirasi dan gaya hidup generasi muda
- iv. Untuk menyediakan jaringan hubungan dan aksesibiliti yang tinggi dengan pelbagai pilihan pengangkutan awam.
- v. Meningkatkan kemahiran dan pengetahuan.
- vi. Untuk mendidik masyarakat yang mampu menjalani kehidupan secara lestari melalui pembaharuan bandar / revitalisasi / regenerasi bandar.
- vii. Untuk memupuk perkembangan remaja yang positif untuk pembangunan sosial, emosi, kemahiran serta masyarakat penyayang.
- viii. Untuk mempromosikan hubungan sosial dan perpaduan sosial dengan menyediakan ruang awam untuk bermain, perjumpaan, interaksi; menganjurkan acara untuk budaya dan seni.
- ix. Untuk menyediakan program dan perkhidmatan yang diperlukan oleh belia serta inklusif dan dapat diakses oleh semua peringkat belia.

Beberapa isu yang perlu diberi fokus dalam perancangan dan pembangunan Bandar Belia adalah isu tempatan yang berkaitan dengan pembangunan belia seperti berikut: -

- i. Kekurangan perumahan mampu milik untuk golongan belia
- ii. Kekurangan kemudahan khusus untuk belia
- iii. Kekurangan punca pendapatan di kawasan separa bandar

- iv. Kadar upah rendah, peluang pekerjaan terhad dan keselamatan pekerjaan
- v. Kekurangan sistem pengangkutan yang baik dan kebolehcapaian
- vi. Kos sara hidup yang tinggi

Berdasarkan kepada masalah di atas, maka pihak KPKT telah mengambil inisiatif melalui Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) pada 2015 untuk mewujudkan 1Malaysia Youth City yang kemudiannya dijenamakan semula kepada Bandar Mesra Belia untuk memastikan masalah-masalah tersebut dapat diatasi. Lanjutan dari perkara tersebut maka salah satu kawasan kategori ‘Separa Bandar’ telah dipilih dengan merujuk kepada kriteria yang telah ditetapkan oleh pihak PLANMalaysia selaku peneraju utama Bandar Mesra Belia bagi melaksanakan ‘pilot project’ iaitu di Bandar Tanjung Malim. Pemilihan Bandar Tanjung Malim sebagai Bandar Mesra Belia pertama di Semenanjung Malaysia adalah bagi melihat kemampuan konsep Bandar Mesra Belia ini dilaksanakan di kawasan separa bandar. Namun begitu, dalam tempoh lima tahun ini, didapati bahawa pembangunan Bandar Mesra Belia di Tanjung Malim ini seakan- akan tidak berjaya.

Oleh itu timbul beberapa persoalan kajian iaitu:

- i. Apakah konsep pembangunan Bandar Mesra Belia?
- ii. Apakah faktor- faktor yang menyumbang kepada kegagalan pelaksanaan pembangunan Bandar Mesra Belia?

### **1.3 Matlamat Kajian**

Kajian ini adalah untuk mengkaji keberkesanan konsep pembangunan bandar mesra belia dan faktor yang menyumbang kepada kegagalan sepanjang pelaksanaan Bandar Mesra Belia ini dilaksanakan yang mana kawasan pinggir bandar iaitu di

Tanjong Malim, Perak sebagai kawasan kajian. Kajian ini akan melihat kepada aspek pembangunan yang dirancang oleh kerajaan dan program-program yang telah dilaksanakan sepanjang ianya berlangsung.

#### **1.4 Objektif Kajian**

Terdapat dua (2) objektif kajian yang dikenalpasti bagi memastikan matlamat kajian ini dapat dilaksanakan sepenuhnya iaitu:

- i. Mengkaji konsep pembangunan Bandar Mesra Belia khususnya Bandar Mesra Belia Tanjong Malim.
- ii. Mengkaji faktor- faktor yang menyumbang kepada kegagalan pembangunan Bandar Mesra Belia Tanjong Malim.

#### **1.5 Skop Kajian**

Kawasan kajian yang dipilih terletak di kawasan pinggir bandar Tanjong Malim yang merupakan Bandar Belia pertama yang dilaksanakan di Malaysia. Kawasan ini adalah di bawah pentadbiran Majlis Daerah Tanjong Malim (MDTM) di dalam Daerah Muallim. Menurut Rancangan Tempatan Batang Padang (RT), 2020, kawasan penyelidikan seluas 80.91 hektar atau 200 ekar berdasarkan Pelan Induk Youth City Tanjong Malim. Jumlah penduduk kawasan ini pada tahun 2016 dianggarkan sekitar 78,000 orang dan terdiri daripada 32,000 penduduk belia (Rancangan Tempatan Batang Padang 2020) dan Unit R&D, PLANMalaysia.

Sebab untuk memilih kawasan ini adalah berdasarkan mekanisme pelaksanaan dan penyediaan seperti komponen, program yang dilaksanakan oleh kerajaan pusat dan pihak berkuasa yang melibatkan penyertaan belia. Berdasarkan kepada itu, analisis

program Bandar Belia akan ditingkatkan untuk mempromosikan program bagi mewujudkan kawasan pembangunan bandar yang mampan di masa depan.

## **1.6 Kepentingan Kajian**

Kajian ini dibuat untuk melihat keberkesanan Bandar Mesra Belia yang dilaksanakan di kawasan pinggir bandar. Ini adalah untuk mencari kaedah atau formula bagi merangsang agenda pembangunan Malaysia ke arah pembangunan belia tempatan dalam aspek perancangan pembangunan Bandar Belia yang telah digariskan untuk kawasan pinggir bandar.

Dengan memfokuskan pada Pelan Induk Pembangunan Bandar Belia, kajian ini akan melihat komponen-komponen yang dicadangkan dari penyediaan infrastruktur dan kemudahan awam, keusahawanan, perumahan dan peluang pekerjaan yang terdapat di Daerah Muallim khususnya kawasan Tanjong Malim. Dengan mengkaji keberkesanan pelaksanaan Bandar Belia, ia juga akan melihat penglibatan pihak swasta melalui 'Perkongsian Awam- Swasta' yang akan memberi peluang kepada pihak swasta bersama-sama melaksanakan program Bandar Belia di kawasan pinggir bandar.


Tanjong Malim sebagai kawasan pinggir bandar dengan populasi belia 32,000 orang (Muallim District, 2016) dan telah diumumkan sebagai salah satu bandar belia yang terawal di Malaysia. Kajian ini diharapkan menjadi rujukan kepada kawasan bandar lain terutama pinggir bandar untuk menggunakan konsep bandar mesra belia ini.

## **1.7 Metodologi Kajian**

Metodologi kajian merupakan kaedah dan teknik mereka bentuk, mengumpul dan menganalisis data supaya dapat menghasilkan bukti yang boleh menyokong sesuatu kajian. Menurut Denzin dan Lincoln, (1994) metodologi kajian merupakan satu proses yang dilaksanakan untuk mengaitkan antara persoalan dan objektif kajian dengan data yang diperolehi. Metodologi menerangkan cara sesuatu masalah yang dikaji dan sebab sesuatu kaedah dan teknik tertentu digunakan. Tujuan metodologi ialah untuk membantu memberi kefahaman dengan lebih terperinci mengenai pengaplikasian kaedah melalui huraian tentang proses kajian yang dilaksanakan. Dalam kajian ini, fokus diberikan kepada kaedah pelaksanaan Bandar Mesra Belia Tanjung Malim.

### **1.7.1 Rekabentuk Kajian**


Reka bentuk kajian merupakan satu tatacara pengolahan data yang dipungut berdasarkan perancangan khusus dan sistematik terhadap konsep pembentukan rangkaian hubungan antara pemboleh-pemboleh ubah yang terlibat dalam sesuatu kajian. (Kerlinger, 1970). Reka bentuk kajian juga ialah pelan tindakan yang memperlihatkan secara terperinci bagaimana sesuatu kajian itu dijalankan (Sabitha, 2006). Hasil kajian akan ditentukan oleh kaedah dan juga reka bentuk kajian, manakala reka bentuk kajian pula ditentukan oleh tujuan sesuatu kajian (Chua Yan Piaw, 2014). Dalam hal ini, beberapa reka bentuk kajian yang berlainan boleh digunakan dalam melaksanakan sesuatu kajian. Oleh yang demikian, pemilihan reka bentuk yang bersesuaian amat penting dalam sesuatu kajian bagi menjawab persoalan dan tujuan kajian. Menurut Sukardi (2004) dalam pelaksanaan penyelidikan terdapat dua (2) pendekatan yang boleh digunakan iaitu kuantitatif dan kualitatif.



Rajah 1.1 Carta Alir Metodologi Penyelidikan  
(Sumber: Olahan Penyelidik, 2020)

Pembangunan rekabentuk kajian merupakan salah satu proses dan komponen mandatori dalam menjalankan penyelidikan. Menurut Bryman (2008), rekabentuk kajian merupakan sebuah kerangka yang digunakan bagi memperoleh dan memproses data manakala Robson (2011) pula menyatakan bahawa rekabentuk kajian berfungsi untuk menukar persoalan kajian kepada projek yang melibatkan elemen tujuan, teori, persoalan kajian, kaedah dan strategi persampelan. Secara keseluruhannya, kajian ini melibatkan lima peringkat utama seperti di Rajah 1.2.





Rajah 1. 2 Aliran Proses Kerja Kajian

### 1.7.1.1 Peringkat 1 –Kenalpasti Masalah, Objektif dan Kaedah Kajian

Kajian awalan dilakukan untuk memberi pemahaman mendalam tentang pelaksanaan Bandar Mesra Belia Malaysia khususnya di Tanjung Malim. Pemahaman

dan maklumat diperolehi melalui pembacaan artikel, laman web, kertas pembentangan serta data statistik yang diperolehi di Majlis Daerah Tanjong Malim. Maklumat tambahan juga diperolehi daripada laporan akhbar serta akta berkaitan.

Pada peringkat ini, perbincangan dengan penyelia diadakan bagi tujuan pemahaman tajuk dan objektif penyelidikan. Ini penting bagi memastikan penyelidik tidak tersasar dari tajuk dan objektif asal. Maklumat yang diperolehi dalam kajian awalan ini telah digunakan untuk bab 1 di dalam pengenalan dan isu serta permasalahan kajian.

Melalui kajian awal yang dilakukan, penyelidik mendapatkan gambaran yang lebih jelas tentang isu dan aspek yang ingin dikaji. Ini penting bagi memastikan penyelidikan ini mencapai objektif penyelidikan yang ditetapkan.

#### **1.7.1.2 Peringkat 2 - Kajian Literatur**

Peringkat kedua iaitu kajian literatur menumpukan kepada rujukan terhadap maklumat teoritikal berkaitan kaedah pelaksanaan, konsep pembangunan, model pembangunan dan komponen Bandar Mesra Belia. Maklumat-maklumat tersebut diperolehi daripada pelbagai sumber bacaan bercetak seperti jurnal, kajian-kajian terdahulu, kertas seminar dan keratan akhbar.

#### **1.7.1.3 Peringkat 3 - Pengumpulan Data**

Kaedah pengumpulan data perlu dikenalpasti terlebih dahulu dalam menjalankan penyelidikan ini. Bagi memenuhi keperluan objektif penyelidikan ini kaedah 'desk study' dan 'field study' diguna pakai. Kaedah 'desk study' dipilih bagi mencapai kedua-dua objektif dengan mengumpul dokumen daripada kajian literatur dan disokong dengan kaedah temu bual responden di lapangan. Kesemua maklumat ini kemudiannya akan dianalisis sebagai hasil kajian.

### **i. Analisis Dokumentasi**

Analisis dokumentasi digunakan bagi mengumpul data untuk mencapai objektif pertama. Kaedah ini merupakan satu proses mendapatkan sumber data secara terperinci dan menyeluruh berkaitan pengurusan dan pelaksanaan Bandar Mesra Belia Tanjung Malim di Majlis Daerah Tanjung Malim serta agensi yang terlibat.

### **ii. Temubual**

Bagi mencapai objektif ditetapkan, kaedah temubual telah dilakukan bagi mendapatkan sumber data dengan mengadakan perjumpaan dengan responden dan soalan akan ditanya kepada responden. Kaedah ini boleh dipecah kepada dua bentuk iaitu tidak berstruktur dan berstruktur. Kaedah temubual tidak berstruktur terdiri daripada soalan ringkas yang telah diperjelaskan oleh responden bergantung kepada penyelidik. Manakala kaedah temubual berstruktur telah mempunyai soalan yang telah ditetapkan untuk kesemua responden. Ianya lebih mendalam dan jelas berbanding dengan kaedah temubual berstruktur.

### **iii. Pemilihan Sampel Kajian**

Bagi menjadikan data yang diperolehi adalah tepat dan dapat menjawab objektif dan persoalan kajian, pemilihan responden mestilah tepat dan bersesuaian dengan tajuk kajian. Dalam kajian ini, pemilihan responden dibuat berdasarkan kepada responden yang terlibat secara langsung dengan pelaksanaan Bandar Mesra Belia ini. Responden yang dipilih terdiri daripada latar belakang yang berbeza tetapi mempunyai kaitan seperti Ketua Pasukan Bandar Mesra Belia, PLAN Malaysia, KPKT dan 'Desk Officer' Bandar Mesra Belia, Majlis Daerah Tanjung Malim. Temu bual dilaksanakan dengan menggunakan kaedah temu bual semi struktur. Jadual 1.1 menunjukkan senarai responden yang terlibat di dalam sesi temubual yang dilaksanakan.

Jadual 1. 1 Senarai Jawatan dan Jabatan Responden

<b>Kod</b>	<b>Jawatan</b>	<b>Jabatan</b>
R1	Ketua Pen. Pengarah	Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
R2	Penolong Pengarah	PLANMalaysia
R3	Pegawai Daerah	Pejabat Tanah & Daerah Muallim
R4	Yang Dipertua	Majlis Daerah Tanjong Malim (MDTM)
R5	Pegawai Perancang Bandar dan Desa	
R6	Penolong Pegawai Perancang Bandar dan Desa (Desk Officer Bandar Mesra Belia MDTM)	

Sumber: Olahan Pengkaji (2020)

Di dalam bab ini, analisis dilakukan berdasarkan temubual yang dilaksanakan bersama para responden dan pada masa yang sama analisis dilakukan berpandukan kepada objektif yang telah digariskan di peringkat awal. Oleh yang demikian, bab ini mengandungi pencarian, pengumpulan data dan perbincangan terhadap data primer dan data sekunder. Data kemudiannya dipaparkan dalam bentuk kualitatif.

#### **1.7.1.4 Peringkat 4 - Analisis Data**

Setelah pengumpulan data dilaksanakan, data-data yang diperolehi sama ada data primer atau data sekunder akan diproses dan di analisis. Berdasarkan kepada Kamus Dewan Edisi Keempat, analisa bermaksud penghuraian atau kupasan sesuatu perkara bagi mengetahui selok-beloknya. Deskriptif pula merupakan paparan atau gambaran dengan kata-kata secara jelas dan terperinci. Bentuk deskriptif ini merupakan data dalam bentuk kenyataan, keterangan dan pandangan daripada responden. Teknik penganalisan data yang digunakan dalam kajian ini ialah analisis deskriptif di mana sumber maklumat yang diperolehi melalui data primer dihurai dan diterangkan dalam bentuk jadual, grafik, rajah dan sebagainya. Teknik sebegini lebih dominan untuk digunakan mengambilkira bahawa soalan-soalan yang dirangka lebih

berbentuk kepada semi struktur. Jawapan yang diberikan diolah dan dirumus supaya dapat menjawab persoalan-persoalan kajian dan seterusnya mencapai objektif kajian yang ditetapkan.

Maklumat yang diperolehi melalui data primer lebih dominan dalam menjawab persoalan dan objektif kajian kerana individu yang ditemu bual merupakan individu yang terlibat secara langsung dalam pengurusan dan pemantauan Bandar Mesra Belia.

Bagi data sekunder, analisis terhadap bahan-bahan media cetak seperti jurnal, buku, akhbar, majalah, minit mesyuarat, laporan bertulis dan sebagainya akan digunakan (Sivabala Naidu, 2008). Ia turut merangkumi bahan-bahan elektronik seperti rancangan dan drama filem serta radio, papan iklan dan *Compact Disk*. Setiap konsep, perkataan, frasa atau ayat yang terdapat pada media atau bahan cetak akan dikaji. Pada peringkat ini, bahan-bahan pengumpulan dan rujukan digunakan sepenuhnya dan seterusnya dikaji untuk membuat rumusan dan membentuk satu analisa kepada cadangan kajian. Peringkat ini merupakan peringkat yang paling penting di mana penemuan-penemuan akan memberi kesan kepada hasil kajian.

#### **1.7.1.5 Peringkat 5 – Kesimpulan dan Cadangan**

Akhir sekali, penilaian dilaksanakan ke atas hasil analisis data yang diperolehi daripada maklumbalas para responden terhadap fokus kajian. Perbincangan secara terperinci merangkumi penilaian analisis terhadap data sekunder dan data primer bertujuan untuk menghasilkan jawapan ke atas permasalahan kajian dan juga untuk mencapai objektif yang ditetapkan.

## **1.8 Susunatur Bab**

Secara keseluruhannya kajian ini terbahagi kepada 5 bab di mana perbincangan di setiap bab mempunyai perkaitan dan menerangkan keseluruhan kajian. Tujuan pembahagian bab ini adalah bagi memastikan projek sarjana ini menjadi lebih teratur dan sistematik.

### **1.8.1 Bab 1 - Pendahuluan**

Secara umumnya bab pendahuluan akan menerangkan mengenai pengenalan, latar belakang dan isu yang dikaji serta pernyataan masalah. Penetapan matlamat dan objektif kajian yang hendak dicapai ditetapkan berdasarkan isu dan masalah yang dikenalpasti. Skop kajian juga ditetapkan agar objektif kajian yang ditetapkan pada peringkat awal dapat dicapai. Dalam bab ini juga metodologi kajian ditetapkan bagi menentukan kaedah kajian dijalankan kelak.

### **1.8.2 Bab 2 – Kajian Literatur**

Bab ini menerangkan kajian ilmiah berkaitan dengan perancangan dan pembangunan Bandar Mesra Belia. Ianya akan menerangkan model yang digunakan dan perbandingan terhadap model sedia ada. Di dalam bab ini juga akan diterangkan objektif penubuhan Bandar Mesra Belia dan komponen pembangunan yang telah dicadangkan.

Di dalam bab ini, kajian literatur digunakan sebagai penerangan secara teoritikal terhadap kajian yang dijalankan, kajian literatur ini juga dikenali sebagai penulisan ilmiah kerana ianya dihasilkan melalui pembacaan buku, akta, jurnal dan bahan rujukan berkaitan.

### **1.8.3 Bab 3 – Kawasan Kajian**

Bab ini menerangkan perincian kawasan kajian yang digunakan untuk membantu pengkaji dalam menyempurnakan kajian ini. Kawasan kajian yang dipilih ialah Bandar Mesra Belia Tanjung Malim. Penerangan akan merangkumi maklumat berkenaan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang terlibat dalam menguruskan pembangunan ini, jumlah penduduk dan agensi yang terlibat secara langsung.

### **1.8.4 Bab 4 – Analisis Kajian**

Dalam bab ini, kajian akan dilakukan terhadap data-data yang diperolehi daripada temubual yang dijalankan. Kesemua data yang diperolehi dalam kajian ini akan dikumpul dan dianalisa di dalam bab ini. Analisis yang digunakan adalah analisis kualitatif.

### **1.8.5 Bab 5 – Cadangan dan Kesimpulan**

Bab 5 merupakan bab terakhir yang mengandungi perbincangan ke atas hasil kajian secara keseluruhan merangkumi rumusan pencapaian objektif kajian dan mengemukakan cadangan-cadangan kajian. Bab ini juga menjelaskan limitasi kajian dan mencadangkan kajian-kajian lanjutan yang boleh dilaksanakan pada masa akan datang.

## RUJUKAN

- Abd. Hamid, Z., Othman, J., Ahmad, A., & Ismail, I. (2011). Hubungan antara penglibatan ibu bapa dan pencapaian akademik pelajar miskin di Negeri Selangor. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 31-40.
- Abdul Manaf, N. & Ibrahim, K. (2017). Poverty reduction for sustainable development: Malaysia's evidence-based solutions. *Global Journal of Social Sciences Studies*, 3(1): 29-42.
- Ahmad, S., & Amartya Sen. 1997. *Concept of Human Development and Poverty: A Multidimensional Perspective*. UNDP.
- Ali, H., Ahmad, L., Ahmad, S., & Ali, N. (2009). Keperluan, kepentingan dan sumbangan perancangan pendidikan dalam pembangunan ekonomi di Malaysia. *E Bangi* 4(1), 13-29.
- Anosike, P. (2018). Entrepreneurship education as human capital: Implications for youth self-employment and conflict mitigation in Sub-Saharan Africa. *Industry and Higher Education*, 33(1):42-54. Asia Bank. 2014. *Urban Poverty in Asia*. Philiphine: ADB.
- Baba, R., Muhammad Nor, N., & Fikri Hamzah, M. (2018). Kerja separuh masa: Faktor, status pelajar dan kesan ke atas pencapaian akademik pelajar institusi pengajian tinggi. *Journal of Business Innovation* 3(1), 86-94.
- Balenzano, C., Moro, G., & Cassibba, R. 2018. Education and social inclusion: An evaluation of dropout prevention intervention. *Research of Social Work Practice*, 1-13.
- Burchell, B. J., & Coutts, A. P. (2018). The Experience of Self-Employment Among Young People: An Exploratory Analysis of 28 Low- to Middle-Income Countries. *American Behavioral Scientist*, 63(2): 147-165.
- Department of Statistics Malaysia . (2016). *Population and Housing Census of Malaysia 2016*. Putrajaya, Malaysia: Department of Statistics.
- Department of Statistics Malaysia. (2010). *Characteristics of Household 2010*. Retrieved 30 October 2019 from <https://www.statistics.gov.my/index.php>.



- Department of Town and Country Planning Peninsular Malaysia. (2006). *National Urbanisation Policy*. Ministry of Urban Wellbeing, Housing and Local Government. Kuala Lumpur: Government Printers
- Department of Town and Country Planning Selangor. (2019). *Laporan Tinjauan: Kajian Rancangan Struktur Negeri Perak 2040*. Perak: Department of Town and Country Planning Perak.
- Jamalunlaili Abdullah et al. (2015). Public Participation in the Kuala Lumpur Draft City Plan 2020. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, Vol. 168, 70-75.
- Joseph, C. (2013). Understanding Sustainable Development Concept in Malaysia. *Social Responsibility Journal*, Vol. 9, Issue 3, 441-453.
- Law of Malaysia (1976), Act 171, Local Government, The Commissioner Of Law Revision, Malaysia Under The Authority Of The Revision Of Laws Act 1976 In Collaboration With Malayan Law Journal Sdn Bhd And , Percetakan Nasional Malaysia Bhd.
- Law of Malaysia (1974) Act 133, Street, Drain and Building, The Commissioner Of Law Revision, Malaysia Under The Authority Of The Revision Of Laws Act 1974 In Collaboration With Malayan Law Journal Sdn Bhd And , Percetakan Nasional Malaysia Bhd.
- Law of Malaysia (1965,2008), National land Code, The Commissioner Of Law, Malaysia Under The Authority Of The Revision Of Laws Act 1965/2008 In Collaboration With Malayan Law Journal Sdn Bhd And , Percetakan Nasional Malaysia Bhd.
- Law of Malaysia (1984), Uniform Building by Law, The Commissioner Of Law Revision, Malaysia Under The Authority Of The Revision Of Laws Act 1984 In Collaboration With Malayan Law Journal Sdn Bhd And , Percetakan Nasional Malaysia Bhd.
- Leggett, J.A. & Carter, N.T. (2012). *Rio+20: The United Nations Conference on Sustainable Development*. Retrieved on 30 March 2019 from <https://www.fas.org/sgp/crs/row/r42573.pdf>.
- Jabatan Perancangan Pembangunan (2015). *Majlis daerah Tanjong Malim , Desk Officer Bandar Mesra Belia*
- Jabatan Perancangan Pembangunan (2015). *Special Project and RnD Unit*, , Majlis Daerah Tanjong Malim, Perak.

- MDTM Website. (2019). *Organizational Structure and Background of Tanjong Malim*. Retrieved 8 August 2019 from [www.mdtm.gov.my](http://www.mdtm.gov.my).
- MostafaNejati et al. (2010). Sustainable Development: A Competitive Advantage or A Threat? *Business Strategy Series, Vol. 11*, No. 2, 84-89.
- NajibRazak. (2015). *#Bajet2016 BerikanCadanganAnda*. Retrieved 30 March 2019 from <https://najibrzak.com/bajet2016/>.
- National MURNInets Operation Centre, Department of Town and Country Planning Peninsular Malaysia. (2015). *MURNInets*. Retrieved 12 May 2019 from <http://murninet.townplan.gov.my/murninets/>.
- Pearce &Warford. (1993). *World Without End: Economics, Environment and Sustainable Development New York and Oxford*. United Kingdom: OxfordUniversity Press.
- United Nations. (1992). *Report of the United Nations Conference on Environment and Development*. New York: United Nations
- Zhou Ke et al. (2014). The Evolution of Policy and Law for Sustainable Development inChina. *Frontiers of Law in China, Vol. 9*, No. 3, 389-402.
- Zikri Muhammad et al. (2015). Local Government Service Efficiency: Public Participation Matters. *International Journal of Social Science and Humanity, Vol. 5*, No. 10, 827-831.
- ILBS Kanun Tanah Negara 1965 (Akta 56/1965), International Law Book Services.
- ILBS Akta Syarikat 1965, International Law Book Services.
- ILBS Akta Pengambilan Tanah 1960, International Law Book Services.
- ILBS Kanun Tanah Negara 1965 (Akta 56/1965), International Law Book Services.
- ILBS Akta Syarikat 1965, International Law Book Services.
- ILBS Akta Pendaftaran Perniagaan 1956, International Law Book Services.
- ILBS Akta Perkongsian 1961, International Law Book Services.
- ILBS Akta Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966, International Law Book Services